

Headline	Penghasilan Susu Ikut Piawaian Global		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	10	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	387 cm ²
Journalist	Muhamad Shaifullah Tayep	AdValue	RM 13,289
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,867



Penghasilan susu ikut piawaian global

» *Dutch Lady PureFarm pastikan keluarga di Malaysia nikmati produk berkualiti*

Oleh Muhamad Shaifullah Tayep
mshaiful@bh.com.my

Pengeluar tenusu terkemuka, Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia), melancarkan semula produk susu sedia untuk diminum di bawah nama baharu, *Dutch Lady PureFarm* dengan pek menarik.

Nama baharu ini diilhamkan oleh warisan tenusu Belanda dan kepakaran selama 140 tahun syarikat induknya, Royal FrieslandCampina yang menyediakan produk susu berkualiti lagi lazat dan berkhasiat untuk pengguna di seluruh dunia.

Pengarah Pemasaran, Dutch Lady Malaysia, Anja Henze berkata, susu disediakan Dutch Lady sememangnya lazat dan sudah sekian lama berada di pasaran.

“Royal FrieslandCampina adalah salah satu koperasi tenusu terbesar di dunia yang dimiliki oleh lebih 19,000 penternak tenusu. Hasil dedikasi penternak tenusu kami selama beberapa generasi, kini mereka berjaya mengumpul pengalaman, kemahiran dan pengetahuan untuk menghasilkan produk berkualiti.

“Dutch Lady Malaysia mencerminkan komitmen ini menerusi *Dutch Lady PureFarm* supaya keluarga di Malaysia juga boleh menikmati susu yang mempunyai taraf kualiti sama seperti yang dinikma-

ti oleh penternak kami di Belanda dan ahli keluarga mereka,” katanya pada majlis pelancaran susu baharu itu, di ibu negara, baru-baru ini.

Prosedur ketat

“Dengan kebaikan dan khasiat susu, kami berbangga kerana dapat membantu Malaysia membina keluarga yang kuat sepanjang perjalanan hidup mereka,” katanya.

Henze berkata, produk tenusu Dutch Lady dihasilkan berdasarkan piawaian global menyeluruh yang dikenali sebagai FOQUS.

Katanya, FOQUS ialah suatu audit dan cara pemeriksaan holistik yang merangkumi setiap proses dalam rantaian bekalan, daripada penghasilan susu mentah hinggalah produk dan pengagihan susu ke dalam pasaran.

“Dengan FOQUS, kami menguatkuasakan piawaian dan prosedur ketat supaya setiap produk tenusu yang dihasilkan di sini mencapai standard kualiti tinggi dalam aspek keselamatan makanan, kualiti, keselamatan sekerja dan persekitaran, sama seperti yang diamalkan di Belanda.

“Secara keseluruhan, *Dutch Lady PureFarm* adalah mengenali kebaikan khasiat susu dan ia mampu membantu ibu di Malaysia menyokong perkembangan holis-

tik keluarga dengan membekalkan nutrien penting yang diperlukan oleh badan setiap hari,” katanya.

Tiga jenis

Sementara itu, Pakar Pemakanan Korporat, Dutch Lady Malaysia, Loo

Mei Fong, berkata nutrien adalah nutrisi yang tidak boleh dihasilkan oleh badan dan kurang pantas untuk memenuhi keperluan fisiologi kita.

“Kita perlu mendapatkan nutrien penting daripada makanan termasuk protein untuk perkembangan dan tumbesaran badan, kalsium yang membantu pembentukan tulang dan gigi yang kuat, vitamin A yang penting untuk fungsi mata dan vitamin B2 yang diperlukan untuk membantu pembebasan tenaga yang diperoleh daripada karbohidrat,” katanya.

Mei Fong menyarankan, pengambilan dua hidangan susu tepung dalam sehari supaya dapat membantu memenuhi keperluan nutrien harian seorang dewasa.

Susu baharu itu boleh didapati dalam pelbagai perisa seperti susu segar, susu penuh krim, susu rendah lemak kalsium tinggi sehinggalah kepada susu coklat, kopi dan strawberi. Susu ini boleh didapati dalam tiga jenis iaitu susu yang mempunyai suhu ultra tinggi (UHT), susu steril dan susu dipasteur dalam saiz berbeza.

Headline	Penghasilan Susu Ikut Piawaian Global		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	10	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	387 cm ²
Journalist	Muhamad Shaifullah Tayep	AdValue	RM 13,289
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,867



“
 Dengan kebaikan dan
 khasiat susu, kami
 berbangga kerana dapat
membantu Malaysia
membina keluarga
yang kuat sepanjang
 perjalanan hidup
 mereka”

Anja Henze,
 Pengarah Pemasaran,
 Dutch Lady Malaysia

